KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **24 OKTOBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 14

# KPDN kesan kenderaan asing masih ulang alik isi minyak

## 580 kenderaan luar beli petrol, diesel lebih satu kali di stesen berhampiran sempadan

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my



*Muhammad Nizam (dua dari kanan) melakukan pemantauan di stesen minyak di daerah Kubang Pasu untuk memastikan tiada berlaku penyelewengan.* (Foto Zuliaty Zulkiffli/BH)

**Jitra:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah mengesan 580 kenderaan asing dipercayai berulang-alik untuk mengisi minyak melebihi satu kali berhampiran sempadan Malaysia-Thailand, sejak 25 September lalu.

Pengarahnya, Muhammad Nizam Jamaludin, berkata maklumat itu diperoleh hasil penugasan pegawai KPDN Kedah secara statik di enam stesen minyak berhampiran sempadan di negeri ini.

Beliau berkata, hasil pemantauan itu kemudian disalurkan kepada bahagian risikan untuk tindakan selanjutnya.

"Berdasarkan risikan, kami menyita 1,300 liter petrol bernilai RM2,865, selain 4,200 liter diesel dianggarkan bernilai RM12,390.

"Turut disita, dua kenderaan dan peralatan pemindahan minyak dengan keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM37,015," katanya selepas tinjauan di beberapa stesen minyak di sini, semalam.

### Beli guna tong kecil

Muhammad Nizam berkata, aktiviti penyelewengan dipercayai dijalankan kecil-kecilan, sama ada secara individu atau sindiket menggunakan kenderaan bernombor pendaftaran tempatan.

"Modus operandi mereka membuat pembelian menggunakan tong kecil dan ada beberapa kenderaan disyaki mempunyai tangki tambahan.

"Kawasan pengumpulan dikenal pasti adalah di kawasan kampung jauh daripada perhatian awam," katanya.

Muhammad Nizam berkata, penugasan pegawai secara statik di Kedah membabitkan lima stesen minyak dalam daerah Kubang Pasu, selain satu di Baling.

Beliau berkata, penugasan pegawai terbabit juga membantu mendapatkan perbandingan rekod jualan petrol dan diesel antara 1 hingga 20 Oktober berbanding tempoh sama pada bulan sebelumnya.

"Disebabkan itu, kita mengesan penurunan jualan bagi produk diesel di stesen-stesen berkenaan antara tujuh hingga 24 peratus, manakala bagi produk petrol RON95 mencatatkan penurunan antara tiga hingga 30 peratus," katanya.

BH BeritaHarian
HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 14

# Jumlah tuntutan subsidi diesel menurun 51.6 peratus

**Kuala Lumpur:** Jumlah tuntutan subsidi diesel oleh syarikat minyak pada Ogos lalu menurun sebanyak 51.6 peratus, berbanding pada Mei, susulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, bermula 10 Jun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kuantiti tuntutan juga menurun sebanyak 47.4 peratus dalam tempoh sama.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata selepas penyasaran semula subsidi dilaksanakan bagi ayam dan bil elektrik, kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi diesel yang menyasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan barang darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0) dengan menggunakan kaedah kad fleet.

"Melalui kaedah ini, syarikat logistik yang diluluskan layak untuk mendapat bekalan diesel di stesen minyak pada harga RM2.15 seliter.

"Kenderaan pengangkutan awam darat, termasuk bas sekolah, bas ekspres, bas henti-henti, ambulans dan bomba sukarela masih menikmati harga super subsidi pada RM1.88 seliter dan sektor nelayan pada RM1.65 seliter," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, kelmarin.

Beliau menjawab soalan Nordin Ahmad Ismail (PN-Lumut) mengenai sama ada terdapat sebarang kajian atau perancangan untuk menilai keberkesanan subsidi sedia ada dan sama ada subsidi bersasar penyelesaian jangka panjang.

Perdana Menteri berkata, serentak pelaksanaan penyarasan subsidi diesel, kerajaan juga melancarkan program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri-Komoditi, iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak, termasuk petani kecil dan pekebun kecil komoditi bagi mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjejaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar.

"Melalui pelaksanaan penyasaran subsidi diesel ini, kerajaan menganggarkan penjimatan perbelanjaan mengurus sebanyak RM4 bilion setahun.

"Selain itu, operasi penguatkuasaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga terus diperkasa, bertujuan membendung sebarang usaha untuk menjejaskan kestabilan bekalan barang dan perkhidmatan serta mengekang elemen pencatutan harga di pasaran," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 9

# Beli berulang kali diesel untuk dijual ke Thailand

Oleh MUHAMMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

**KUBANG PASU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Kedah mengenal pasti sebanyak 580 kenderaan asing yang membuat pengisian bahan api melebihi sekali dalam sehari di stesen berhampiran sempadan Malaysia-Thailand.

Pengarahnya, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, maklumat itu diperoleh hasil penugasan pegawai KPDN secara statik di enam stesen minyak terlibat iaitu lima buah di Kubang Pasu dan sebuah di Baling sejak 25 September lalu.

Menurutnya, kegiatan itu disyaki ada kaitan dengan penyelewengan minyak diesel dan petrol bersubsidi yang dipercayai dijalankan secara kecil-kecilan sama ada secara individu atau kumpulan kecil ketika ini.

"Sebanyak 19,705 kenderaan direkodkan maklumat mereka dengan 19,001 melibatkan kenderaan tempatan dan 704 kenderaan asing. Daripada jumlah itu, 580 kenderaan dikenal pasti membuat pengisian secara berulang melebihi sekali dalam sehari di stesen berbeza yang dilaksanakan penugasan statik.



MUHAMMAD Nizam Jamaludin (tengah) melakukan pemeriksaan terhadap seorang pengguna yang memandu kenderaan berpendaftaran asing di sebuah stesen minyak berhampiran sempadan Malaysia-Thailand di Changlun, Kubang Pasu.

"Modus operandi adalah dengan membuat pembelian menggunakan tong kecil dan ada beberapa kenderaan pula disyaki mempunyai tangki tambahan. Kawasan pengumpulan yang dikenal pasti adalah di kawasan kampung yang jauh daripada perhatian awam.

"Kesemua hasil pemantauan ini disalurkan kepada bahagian risikan untuk tindakan selanjutnya yang mana kita berjaya menyita 1,300 liter petrol yang dianggarkan bernilai RM2,865 dan 4,200 liter minyak diesel dengan nilai RM12,390 serta dua unit kenderaan dan peralatan pemindahan minyak," katanya selepas mengadakan pemantauan di beberapa stesen minyak di Changlun di sini, semalam.

Muhammad Nizam berkata, aktiviti penyeludupan diesel secara pukal didapati semakin berkurangan sejak penyasaran subsidi dilaksanakan Julai lalu.

Katanya, perbandingan rekod jualan diesel antara 1 hingga 20 Oktober lalu berbanding tempoh sama pada bulan sebelumnya merekodkan penurunan antara tujuh hingga 24 peratus jualan bagi produk itu di enam stesen terbabit.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! Suara Kontemporari

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 8

Pemandu lori dicekup beli 80 liter diesel pada harga subsidi untuk diseludup ke Thailand

# Salah guna kad fleet pertama dikesan

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA



SEBUAH lori jenis Isuzu yang diubah suai pada bahagian tangki untuk menyeludup diesel ditahan di Jalan Kasban, Kampung Tualang, Tumpat kelmarin.



TIGA keping kad fleet SKDS yang dirampas selepas seorang lelaki ditahan di Tumpat kelmarin. – IHSAN PGA

**TUMPAT** – Seorang pemandu lori dicekup selepas didapati menyalah guna kad fleet di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) dengan membeli 80 liter minyak diesel pada harga subsidi untuk diseludup ke Thailand di Jalan Kasban, Kampung Tualang di sini kelmarin.

Ini kes pertama melibatkan penyalahgunaan kad fleet.

Lelaki berusia 58 tahun itu diberkas kira-kira pukul 8 pagi semasa anggota Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) menjalankan Op Taring Wawasan Kelantan.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, lori jenis Isuzu itu ditahan selepas mendapati ia dipandu dalam keadaan mencurigakan.

Menurutnya, pemeriksaan ke atas lori itu mendapati kenderaan tersebut membawa sebanyak 80 liter diesel yang bernilai RM236 di dalam tangki yang sudah diubah suai.

“Selain itu, tiga keping kad fleet dan resit pembelian yang digunakan untuk membeli minyak diesel pada harga subsidi turut dirampas.

“Siasatan mendapati, suspek dipercayai bertindak sebagai penghantar sebelum minyak diesel tersebut diseludup ke negara jiran,” katanya ketika dihubungi semalam.

Nik Ros Azhan memberitahu, suspek dan barangan rampasan diserahkan kepada kompeni taktikal PGA Pengkalan Kubor di sini untuk tindakan lanjut.

Menurutnya, PGA akan terus mempergiat usaha untuk mengekang kegiatan penyeludupan daripada terus berleluasa di kawasan sempadan negara.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 8

# 580 kenderaan Thailand beli petrol, diesel berulang kali

**CHANGLUN** – Sebanyak 580 kenderaan Thailand dikesan mengisi petrol dan diesel secara berulang dalam masa sehari di stesen minyak berhampiran sempadan Malaysia-Thailand di Kedah sejak 25 September hingga Isnin lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, jumlah itu diperoleh hasil penugasan pegawai KPDN secara statik atau harian di lima stesen minyak di daerah Kubang Pasu dan satu lagi di Baling, dekat sini.

Katanya, penugasan statik di enam stesen minyak yang turut mencatatkan jualan petrol dan diesel yang tinggi itu dilakukan bagi mengenal pasti kuota sebenar minyak diperlukan serta mengesan pengisian berulang.



MUHAMMAD NIZAM (tengah) melakukan pemeriksaan di stesen-stesen minyak berhampiran sempadan Malaysia-Thailand di Changlun semalam.

"Secara keseluruhan, sebanyak 19,705 kenderaan tempatan dan 704 kenderaan berpendaftaran asing membuat pengisian minyak dalam tempoh itu.

"Daripada jumlah itu, 580 kenderaan membuat pengisian secara berulang melebihi sekali pada hari sama di stesen berbeza yang dilaksanakan penugasan statik," katanya selepas membuat pemantauan di beberapa stesen minyak di daerah Kubang Pasu di sini semalam.

Katanya, hasil risikan berjaya menghasilkan empat tindakan kes melibatkan sitaan 1,300 liter petrol dianggarkan bernilai RM2,865, 4,200 liter diesel dianggarkan bernilai RM12,390 serta dua unit kenderaan dan peralatan pemindahan minyak.

"Jumlah sitaan keseluruhan dianggarkan bernilai RM37,015 dan berdasarkan maklumat risikan, didapati kegiatan penyelewengan kini dijalankan secara kecil-kecilan sama ada secara individu atau kumpulan kecil menggunakan kenderaan bernombor pendaftaran tempatan.

"Modus operandi adalah dengan membuat pembelian menggunakan tong kecil dan ada beberapa kenderaan yang disyaki mempunyai tangki tambahan. Kawasan pengumpulan yang dikenal pasti adalah di kawasan kampung yang jauh daripada perhatian awam," ujarnya.

Jelasnya, kegiatan penyeludupan diesel dalam jumlah yang besar didapati semakin berkurangan sejak penyasaran subsidi bahan api itu dilakukan kerajaan sejak Julai lalu.

"Sekarang, kegiatan penyelewengan secara kecil-kecilan yang mana jika (jumlah minyak) terlampau sedikit, sukar kita nak kesan. Jika seleweng kecil-kecilan itulah dia akan atur stesen minyak untuk lakukan pengisian berulang.

"Itu sebab kita buat penugasan statik secara harian di enam stesen minyak di sempadan negara," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 11

# 13.8 juta liter diesel subsidi dirampas sepanjang Januari hingga 19 Oktober lalu

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 13.8 juta liter diesel subsidi dengan anggaran lebih RM31 juta dirampas sepanjang Januari hingga 19 Oktober lalu.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali** berkata, pihaknya melaksanakan operasi bersepadu Op Tiris sejak Mac 2023 bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan agensi berkaitan.

"Berdasarkan Statistik Op Tiris 3.0 antara Januari hingga 19 Oktober 2024, KPDN melakukan 30,634 pemeriksaan dan menghasilkan 1,561 kes penyelewengan diesel.

"Statistik keseluruhan meliputi serahan kes membabitkan agensi penguatkuasaan lain merekodkan jumlah rampasan diesel bersubsidi adalah sebanyak 13.8 juta liter yang dianggarkan bernilai lebih RM31 juta.

"Selain itu, setakat Januari hingga Oktober 2024, KPDN membuka enam kertas siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA)," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan **Roy Angau anak Gingkoi (GPS-Lubok Antu)** mengenai tindakan tegas bagi membanteras penyelewengan diesel subsidi di Malaysia terutama di negeri bersempadan dengan negara jiran seperti Sarawak.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 24/10/2024

M/SURAT: 20

# Kereta Siam ulang-alik isi minyak guna tong kecil

**Jitra:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah mengesan 580 kenderaan asing yang dipercayai berulang-alik mengisi minyak melebihi satu kali berhampiran sempadan Malaysia-Thailand, sejak 25 September lalu.

Pengarahnya, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, maklumat itu diperoleh hasil penugasan pegawai KPDN Kedah secara statik di lima stesen minyak di Kubang Pasu dan sebuah di Baling.

"Hasil risikan, kami menyita antaranya 1,300 liter petrol bernilai RM2,865 serta 4,200 liter diesel bernilai RM12,390 dengan jumlah keseluruhan RM37,015," katanya pada sidang media selepas melakukan tinjauan di beberapa stesen minyak di sini, semalam.



MUHAMMAD Nizam (dua dari kanan) bersama pegawai melakukan pemantauan di stesen minyak di daerah Kubang Pasu bagi memastikan tiada berlaku penyelewengan.

"Taktik digunakan ialah dengan membuat pembelian menggunakan tong kecil selain ada kenderaan disyaki mempunyai tangki tambahan," katanya lagi.

Beliau berkata, penugasan itu juga membantu pihaknya mendapatkan perbandingan rekod jualan petrol dan diesel antara 1 hingga 20 Oktober berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Disebabkan itu, kita mendapati terdapat penurunan jualan diesel di stesen-stesen berkenaan antara tujuh hingga 24 peratus manakala bagi petrol Ron 95 pula mencatatkan penurunan tiga hingga 30 peratus," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 7

# Kenderaan asing ulang alik isi minyak

**KUBANG PASU -** Sebanyak 580 kenderaan dengan nombor pendaftaran asing dikenal pasti membuat pengisian bahan api secara berulang di stesen minyak di sempadan Malaysia-Thailand.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, maklumat berkenaan diperoleh hasil penugasan pegawai secara statik di enam stesen minyak berhampiran sempadan di negeri ini.

"Pemantauan sejak 25 September lalu mendapati, ada pemilik kenderaan nombor pendaftaran asing dikesan mengisi bahan api lebih daripada sekali dalam sehari.

"Hasil operasi, kita berjaya menyita 1,300 liter petrol dianggarkan bernilai RM2,865, 4,200 liter diesel dianggarkan bernilai RM12,390, dua kenderaan dan peralatan pemindahan minyak.

"Keseluruhan sitaan dianggarkan berjumlah RM37,015," katanya ketika ditemui selepas tinjauan di beberapa stesen minyak pada Rabu.



Muhammad Nizam (dua dari kiri) menyoal pemandu kereta yang berpendaftaran asing di sebuah stesen minyak di sempadan pada Rabu.

Menurutnya, berdasarkan maklumat risikan, aktiviti penyelewengan itu dijalankan secara kecil-kecilan sama ada secara individu atau kumpulan kecil dengan menggunakan kenderaan bernombor pendaftaran tempatan.

Dalam pada itu di **KELANTAN**, seorang pemandu lori ditahan kerana menyalahgunakan kad fleet dengan membeli minyak diesel pada harga subsidi untuk diseludup ke negara jiran.

Komander Briged Tenggara PGA, Senior Asisten Komisioner Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, hasil pemeriksaan menemui lebih 80 liter minyak diesel disorok dalam tangki yang diubah suai.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 8

# 13.8 juta liter diesel subsidi dirampas

## Melibatkan anggaran lebih RM31 juta menerusi Op Tiris 3.0 dari Januari hingga 19 Oktober

**Oleh NURUL HUDA HUSAIN**
KUALA LUMPUR

Sebanyak 13.8 juta liter diesel bersubsidi dengan anggaran melebihi RM31 juta dirampas dalam tempoh Januari hingga 19 Oktober lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, rampasan itu diperoleh menerusi Op Tiris 3.0 yang menyaksikan sebanyak 30,634 pemeriksaan dilakukan melibatkan 1,561 kes penyelewengan diesel.

"Selain itu, setakat Januari hingga Oktober 2024, KPDN telah membuka sebanyak enam kertas siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

"KPDN juga melaksanakan pembatalan dan penggantungan lesen barang kawalan berjadual melibatkan penjualan diesel pada peringkat pengilang, pemborong dan peruncit.

"Pada tahun 2023, KPDN telah mengambil tindakan kepada tiga syarikat kerana pelbagai kesalahan," katanya di Dewan Rakyat pada Rabu.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Roy Angau Gingkoi (GPS-Lubok Antu)** yang memintanya menyatakan sama ada KPDN bercadang untuk mengambil tindakan lebih tegas bagi membanteras penyelewengan diesel bersubsidi.



ARMIZAN

Mengulas lanjut, Armizan berkata, KPDN juga memperkasa kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain mengambil kira bidang kuasa perundangan yang berkaitan.

Menurutnya, operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain agensi telah dilaksanakan melalui Op Tiris.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Roy Angau mengenai sama ada kementeriannya bercadang melaksanakan advokasi di kawasan rumah panjang dan perkampungan berdekatan sempadan Malaysia-Indonesia bagi membanteras penyelewengan diesel bersubsidi, Armizan berkata, syor itu akan dibawa ke Kabinet.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 12

# Kenakan penjara, penalti jika peniaga naik harga – Fomca

**SHAH ALAM** - Pihak berwajib digesa mengenakan tindakan penjara atau penalti tinggi kepada pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang menaikkan harga barang sekiranya penyasaran subsidi petrol RON95 dilaksanakan.

Naib Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Datuk Indrani Thuraisingham berkata, kebiasaan golongan itu hanya dikenakan kompaun dan ia dilihat tidak berkesan.



INDRANI

Menurutnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu membuat kawal selia yang ketat melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 bagi membanteras kegiatan tersebut.

"Jika pelarasan subsidi RON95 ini berlaku pasti peniaga-peniaga akan menaikkan harga terutama PKS.

"Peniaga tidak beretika akan mengambil peluang menaikkan harga walaupun kerajaan memberikan beberapa imbuhan atau insentif kepada mereka. Kerajaan perlu ambil satu atau dua kes, kenakan hukuman penjara atau penalti yang tinggi sebagai pengajaran kepada yang lain," katanya.

Dalam pada itu, tambah Indrani, pengguna pula wajar bertanggungjawab membuat laporan kepada pihak KPDN menerusi sembilan saluran untuk tindakan selanjutnya kepada peniaga.

"Boleh juga buat aduan kepada kami di Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC), Fomca bagi tindakan susulan," katanya.

Sementara itu, tegas beliau, kerajaan perlu meningkatkan sesi libat urus dalam pengurusan hutang kepada pengguna.

Ujarnya, pendidikan pengurusan hutang penting kepada masyarakat agar tidak terjerumus terutamanya yang banyak ditawarkan di platform dalam talian.

"Ada yang menawarkan sehingga RM20,000 hingga RM50,000. Manakah silingnya? Pengguna akan sewenang-wenangnya terjebak dengan konsep begitu dan berhutang," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 27

# Peniaga jual air mineral RM10 dikompaun RM200

**PORT DICKSON** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan telah mengenakan kompaun RM200 ke atas pemilik sebuah kedai makan di Lukut, di sini selepas tular mengenakan caj RM10 untuk sebotol air mineral bersaiz kecil.

Pengarah KPDN Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan berkata, kompaun serta merta telah dikenakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan(AKHAP) 2011.

"KPDN negeri menerima maklumat awam berkaitan air mineral bersaiz 1.25 liter yang dijual dengan harga RM10.



Kompaun RM200 dikenakan ke atas pemilik sebuah kedai makan di Lukut kerana mengenakan caj RM10 untuk sebotol air mineral bersaiz kecil.

"Berikutan aduan tersebut, sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Cawangan Port Dickson telah menjalankan pemeriksaan terhadap premis tersebut pada jam 11 pagi Rabu," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, operasi diketuai Penolong Pegawai Penguat Kuasa, Mohd Zaihiri Tambi Adam mendapati, premis berkenaan telah gagal meletakkan tanda harga pada air mineral yang dipamer untuk jualan.

Tambahnya, kesalahan ini telah melanggar Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Barangan dan Caj Perkhidmatan) 2020.

"Para peniaga dinasihatkan supaya meletakkan tanda harga dengan jelas pada setiap barangan yang dijual untuk mengelakkan kekeliruan sekali gus memudahkan pengguna membuat pembelian secara berhemah," katanya.

Muhammad Zahir ketika dihubungi sebelum itu turut memberi pandangan, harga RM10 bagi sebotol air mineral bersaiz kecil bukan saja tidak munasabah, tetapi juga tidak masuk akal.

Sebelum ini media melaporkan seorang pengguna terkejut apabila perlu membayar RM10 bagi sebotol air mineral bersaiz kecil di sebuah kedai makan di Port Dickson.

Pengguna tersebut mempersoalkan mengenai harga itu kepada pemilik premis, namun alasan diberi harga air mineral berkenaan mahal kerana jenamanya.

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 2




# KPDN kenal pasti 1,561 kes seleweng diesel dalam Ops Tiris



KUALA LUMPUR: Sebanyak 1,561 kes melibatkan penyelewengan diesel dikenal pasti melalui Op Tiris 3.0 yang dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sejak Januari hingga 19 Okt lepas.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali (**gambar**) berkata jumlah itu dikenal pasti hasil 30,634 pemeriksaan yang dijalankan di seluruh negara.

"Statistik keseluruhan meliputi serahan kes melibatkan agensi penguatkuasaan lain pula merekodkan jumlah rampasan diesel bersubsidi adalah sebanyak 13.8 juta liter dianggarkan bernilai lebih RM31 juta.

"Selain itu, setakat Januari hingga Oktober lepas, KPDN telah membuka enam kertas siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, Rabu.

Beliau menjawab soalan Roy Angau Anak Gingkoi (GPS-Lubok Antu) yang ingin tahu cadangan kementerian untuk mengambil tindakan tegas bagi membanteras penyelewengan diesel bersubsidi di Malaysia terutama di sempadan negara.

Armizan berkata KPDN sentiasa komited menangani penyelewengan bahan api diesel bersubsidi sejajar dengan fokus kerajaan untuk membanteras sebarang bentuk ketirisan subsidi yang sering ditegaskan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Berikutan itu, beliau berkata KPDN telah meletakkan ketangkasan penguatkuasaan sebagai antara agenda fokus bagi 2024 dengan strategi utama dilaksanakan meliputi tiga aspek iaitu penguatkuasaan, pengurusan risiko dan partisipasi masa.

"KPDN juga memperkasakan kerjasama dengan agensi penguat kuasa lain yang mempunyai bidang kuasa berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia melalui Op Tiris," katanya.

Menjawab soalan tambahan Roy Angau mengenai kempen kesedaran di rumah panjang dan kawasan sekitar sempadan Malaysia dan Indonesia bagi mendidik penduduk untuk membendung penyeludupan rentas sempadan, Armizan berkata perkara itu akan dibawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penstabilan Harga (JPH) di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan.

"Saya akan bawa syor tersebut dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof kerana untuk kita menangani aspek ketirisan ini bukan hanya melibatkan agensi kerajaan tetapi perlu kerjasama pihak berkepentingan dan penyertaan orang awam melalui aduan," katanya. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 5

# Umrah package operator ordered to refund RM10,000 to 2 women

TAWAU: A Kelantan-based umrah package operator was ordered to pay a total of RM10,000 to two women after failing to provide services that had already been paid for.

President of Sabah Consumer Claims Tribunal (TTPM), Larina Wong Shiao Yee, instructed Al Quds Umrah & Tours (M) Sdn Bhd to refund the money to the two claimants within 14 days from the date the award was successfully delivered.

The company was ordered to pay RM6,000 to Kasmah Arifin, 55, and RM4,000 to Muliana Samin, 44.

The order was issued in the absence of the company's representative during the TTPM hearing at the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) branch in Tawau on Wednesday.

According to Kasmah's claim, she sought reimbursement from the tribunal after failing to recover the RM6,000 umrah package payment under Al Quds Travel (receipt dated Sept 6, 2022).

She was informed by the company that the package was fully booked and there were no vacancies at that time, prompting her to book a package with another travel agency and request a refund from Al Quds Travel.

Kasmah also contacted the company several times and was told that the refund would be made to her bank account.

The company even imposed a RM100 penalty for her refund request.

She noted that this was confusing as there was no mention of such a penalty in the agreement.

The company later provided a copy of a payment through Public Bank, but to date, no payment has been received, and no branch or headquarters could be contacted when she attempted to do so.

Meanwhile, Muliana filed a RM4,000 claim against the same company, which she had paid in cash on Dec 22, 2023 at 11am at the Tawau branch office for the badal haji service in 2024 for Subir Samin.

However, she discovered that the office had closed and was informed that it had not been in operation for a long time when she came to collect the 2024 badal haji certificate on July 9 this year.

The claim was made as Muliana had lost trust in the company. - **Lagatah Toyos**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 6

# KPDN identifies 1,561 misappropriation cases: Azmizan



KUALA LUMPUR: A total of 1,561 cases of diesel misappropriation have been identified through Op Tiris 3.0, conducted by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), from January to Oct 19 this year.

Its Minister Datuk Armizan Mohd **Ali** (**pic**) said these cases were identified following 30,634 inspections conducted nationwide.

"The overall statistics, which include operations involving other enforcement agencies, show that a total of 13.8 million litres of subsidised diesel was seized, with an estimated value exceeding RM31 million.

"Additionally, from January to October, KPDN opened six investigation papers under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing, and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLATFPUAA)," he said during a question-and-answer session in the Dewan Rakyat, Wednesday.

He was responding to a query from Roy Angau Gingkoi (GPS-Lubok Antu), who sought details on the Ministry's proposals for firm action to combat the misuse of subsidised diesel, particularly at the country's borders.

Armizan stressed that KPDN remains fully committed to addressing the misuse of subsidised diesel fuel, aligning with the government's focus on preventing subsidy leakages, a priority frequently highlighted by Prime Minister, Datuk Seri Anwar Ibrahim.




He added that KPDN has prioritised enforcement agility as part of its 2024 agenda, focusing on three key areas: enforcement, risk management, and timely interventions.

"KPDN also strengthens its collaboration with other law enforcement agencies, such as the Royal Malaysia Police, the Royal Malaysian Customs Department, the Road Transport Department, and the Malaysian Maritime Enforcement Agency, through Op Tiris," he said.

In response to a supplementary question from Roy Angau, regarding awareness campaigns in longhouses and areas near the Malaysia-Indonesia border, to educate residents on preventing cross-border smuggling, Armizan said that the issue would be raised during the Price Stabilisation Committee (JPH) meetings in Sabah, Sarawak, and the Federal Territory of Labuan.

"I will present this recommendation at the meeting chaired by Deputy Prime Minister, Datuk Seri Fadillah Yusof, as addressing this leakage issue requires the involvement of not just government agencies, but also the cooperation of stakeholders, and public participation, through complaints," he explained. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS

TARIKH: 24/10/2024

M/SURAT: 2

# KPDN kenal pasti 1,561 kes seleweng diesel dalam Ops Tiris 3.0

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak 1,561 kes melibatkan penyelewengan diesel dikenal pasti melalui Ops Tiris 3.0 yang dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sejak Januari hingga 19 Oktober lepas.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata, jumlah itu dikenal pasti hasil 30,634 pemeriksaan yang dijalankan di seluruh negara.

"Statistik keseluruhan meliputi serahan kes melibatkan agensi penguatkuasaan lain pula merekodkan jumlah rampasan diesel bersubsidi adalah sebanyak 13.8 juta liter dianggarkan bernilai lebih RM31 juta.

"Selain itu, setakat Januari hingga Oktober lepas, KPDN telah membuka enam kertas siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Roy Angau Anak Gingkoi (GPS-Lubok Antu) yang ingin tahu cadangan kementerian untuk mengambil tindakan tegas bagi membanteras penyelewengan diesel bersubsidi di Malaysia terutama di sempadan negara.

Armizan berkata, KPDN sentiasa komited menangani penyelewengan bahan api diesel bersubsidi sejajar dengan fokus kerajaan untuk membanteras sebarang bentuk ketirisan subsidi yang sering ditegaskan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Berikutan itu, beliau berkata KPDN telah meletakkan ketangkasan penguatkuasaan sebagai antara agenda fokus bagi 2024 dengan strategi utama dilaksanakan meliputi tiga aspek iaitu penguatkuasaan, pengurusan risiko dan partisipasi masa.

"KPDN juga memperkasakan kerjasama dengan agensi penguat kuasa lain yang mempunyai bidang kuasa berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia melalui Ops Tiris," katanya.

Menjawab soalan tambahan Roy Angau mengenai kempen kesedaran di rumah panjang dan kawasan sekitar sempadan Malaysia dan Indonesia bagi mendidik penduduk untuk membendung penyeludupan rentas sempadan, Armizan berkata perkara itu akan dibawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penstabilan Harga (JPH) di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan.

"Saya akan bawa syor tersebut dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Dato Sri Fadillah Yusof kerana untuk kita menangani aspek ketirisan ini bukan hanya melibatkan agensi kerajaan tetapi perlu kerjasama pihak berkepentingan dan penyertaan orang awam melalui aduan," katanya. — Bernama

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 20





# Perluasan SST bantu capai sasaran defisit 3.8 peratus

## Rasionalisasi subsidi RON95, cukai dividen termasuk langkah realistik pacu ekonomi domestik

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

**Sasaran** defisit 3.8 peratus bagi 2025 yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 mampu dicapai dengan disokong langkah meningkatkan hasil seperti perluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), rasionalisasi subsidi RON95 serta cukai dividen, kata penganalisis.

Malah, langkah realistik yang direncanakan juga dijangka mampu menjana pertumbuhan ekonomi domestik mencapai sasaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara 4.5 hingga 5.5 peratus tahun depan.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata sasaran defisit 2025 itu sesuatu yang munasabah untuk dicapai.

Beliau berkata, beberapa langkah percukaian seperti peluasan skop SST dan cukai dividen serta rasionalisasi subsidi RON95 dilihat mampu membantu kerajaan dalam hasrat mengurangkan saiz defisit fiskal kepada 3.8 peratus berbanding 4.3 peratus tahun ini.

Belanjawan 2025 MALAYSIA MADANI

Katanya, bayaran pindahan seperti peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang dinaikkan daripada RM10 bilion kepada RM13 bilion juga akan menyokong perbelanjaan isi rumah.

Malah, tambahnya, saiz Belanjawan 2025 juga berada di paras tertinggi dalam sejarah iaitu RM421 bilion.

"Justeru, ekonomi domestik dilihat berupaya menerajui pertumbuhan ekonomi tahun depan.

"Namun, situasi ekonomi luaran adalah risiko penurunan utama memandangkan ketidakpastian terhadap tampuk pimpinan baharu Amerika Syarikat (AS), situasi tegang di Asia Barat serta kelembapan ekonomi China adalah risiko yang berpotensi menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi negara," katanya kepada *BH*.

Pensyarah Ekonomi Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff juga berpendapat sasaran defisit 3.8 peratus mampu dicapai dengan penumpuan kepada peningkatan hasil melalui penambahbaikan SST, rasionalisasi subsidi RON95, cukai dividen dan cukai minuman bergula.

Beliau berkata, pada masa sama, perbelanjaan pembangunan dikurangkan supaya jumlah hutang baharu dapat dikecilkan.

Katanya, sasaran pertumbuhan KDNK bagi 2024 dan 2025 boleh dicapai berdasarkan beberapa inisiatif yang diumumkan dalam Belanjawan 2025.

"Ini termasuk peningkatan peruntukan STR dan SARA kepada RM13 bilion dan kenaikan gaji minimum kepada RM1,700 yang akan meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat.

"Apabila rakyat mampu berbelanja, ia akan meningkatkan aktiviti pertukaran barangan dan perkhidmatan, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan mencapai sasaran yang ditetapkan," katanya.

> "Peningkatan peruntukan STR dan SARA kepada RM13 bilion dan kenaikan gaji minimum kepada RM1,700 meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat"
>
> *Ahmed Razman Abdul Latiff,*
> *Pensyarah Ekonomi*
> *Putra Business School*



### Bantu kembang ekonomi

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, pula berkata kerajaan terus memberikan bantuan tunai kepada rakyat seperti SARA dan STR dengan menambah peruntukan berbanding tahun sebelumnya kerana menyedari pertambahan jumlah penduduk dan cabaran kos sara hidup yang terus meningkat walaupun ekonomi negara semakin bertambah baik.

Beliau berkata, kerajaan juga mahukan penjimatan daripada pelaksanaan subsidi bersasar seperti dari bil elektrik dan diesel dapat disalurkan kepada segmen B40 yang begitu memerlukan.

Katanya, suntikan RM13 bilion bagi peruntukkan STR dan SARA juga akan digunakan untuk segmen rakyat yang disasarkan bagi membeli barangan keperluan asas, makanan, pakaian dan sebagainya

"Ini secara langsung membantu mengembangkan ekonomi domestik negara, memastikan aliran tunai berkisar di dalam negara dari pengguna hingga kepada peruncit, pengangkutan, pemborong dan pengilang, iaitu keseluruhan rantaian nilai bekalan barangan mahupun perkhidmatan.

"Kerajaan juga jelas mengadakan banyak peruntukan untuk rakyat dan perniagaan Malaysia untuk pengadaptasi ekonomi digital pada semua peringkat, terutama membabitkan teknologi pintar seperti kecerdasan buatan (AI).

"Kerajaan turut meneruskan program peralihan tenaga ke arah mencapai sasaran gas rumah hijau sifar bersih dengan pelbagai projek inovatif diberikan sokongan oleh kerajaan," katanya.

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 14

# Jumlah tuntutan subsidi diesel menurun 51.6 peratus

**Kuala Lumpur:** Jumlah tuntutan subsidi diesel oleh syarikat minyak pada Ogos lalu menurun sebanyak 51.6 peratus, berbanding pada Mei, susulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, bermula 10 Jun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kuantiti tuntutan juga menurun sebanyak 47.4 peratus dalam tempoh sama.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata selepas penyasaran semula subsidi dilaksanakan bagi ayam dan bil elektrik, kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi diesel yang menyasarkan 23 jenis kenderaan pengangkutan barang darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0) dengan menggunakan kaedah kad fleet.

"Melalui kaedah ini, syarikat logistik yang diluluskan layak untuk mendapat bekalan diesel di stesen minyak pada harga RM2.15 seliter.

"Kenderaan pengangkutan awam darat, termasuk bas sekolah, bas ekspres, bas henti-henti, ambulans dan bomba sukarela masih menikmati harga super subsidi pada RM1.88 seliter dan sektor nelayan pada RM1.65 seliter," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, kelmarin.

Beliau menjawab soalan Nordin Ahmad Ismail (PN-Lumut) mengenai sama ada terdapat sebarang kajian atau perancangan untuk menilai keberkesanan subsidi sedia ada dan sama ada subsidi bersasar penyelesaian jangka panjang.

Perdana Menteri berkata, serentak pelaksanaan penyarasan subsidi diesel, kerajaan juga melancarkan program BUDI MADANI Individu dan BUDI MADANI Agri-Komoditi, iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak, termasuk petani kecil dan pekebun kecil komoditi bagi mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjejaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar.

"Melalui pelaksanaan penyasaran subsidi diesel ini, kerajaan menganggarkan penjimatan perbelanjaan mengurus sebanyak RM4 bilion setahun.

"Selain itu, operasi penguatkuasaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga terus diperkasa, bertujuan membendung sebarang usaha untuk menjejaskan kestabilan bekalan barang dan perkhidmatan serta mengekang elemen pencatutan harga di pasaran," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 33

# Seludup diesel guna kad fleet ke Thailand

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatimin.abdullah@mediamulia.com.my

**TUMPAT:** Taktik licik seorang pemandu lori menyalahgunakan kad fleet untuk membeli diesel bersubsidi kemudian menyeludup keluar bahan api itu ke Thailand terbongkar selepas ditahan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) di Jalan Kasban, Kampung Tualang di sini semalam.

Lelaki berusia 58 tahun itu ditahan menerusi Op Taring Wawasan Kelantan pada pukul 8 pagi selepas PGA mengesan sebuah lori yang dipandu dalam keadaan mencurigakan.

Komander Briged Tenggara, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, hasil pemeriksaan ke atas lori itu telah menjumpai sebuah tangki yang telah diubah suai.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut membawa kepada penemuan lebih 80 liter minyak diesel.

"Selain itu, kita turut merampas tiga keping kad fleet, resit belian yang digunakan untuk membeli minyak diesel pada harga subsidi.

"Suspek dipercayai bertindak sebagai penghantar untuk menyeludup minyak diesel tersebut ke negara jiran. Anggaran nilai bahan api itu sebanyak RM236," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Nik Ros Azhan memberitahu, kes disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, suspek dan barangan rampasan diserahkan ke kompeni taktikal (komtak) PGA Pengkalan Kubor untuk tindakan selanjutnya.




KAD fleet yang digunakan oleh suspek untuk membeli diesel subsidi dan kemudian di seludup ke Thailand menerusi pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok, Tumpat, Kelantan. - IHSAN PGA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 4



## 安華：2021至2024年

# 電子煙稅收逾1.8億

（吉隆坡23日讯）首相兼财政部长拿督斯里安华指出，在2021至2024年期间，政府从含有尼古丁和不含尼古丁液体或凝胶的电子烟中收取高达1亿8310万令吉的税收。

他昨日以国会书面回答说，在上述税收额中，含有尼古丁的烟草产品税收高达1亿零300万令吉。

他表示，根据联邦宪法第97（1）条规定，联邦通过任何方式获得或接受的所有收入及资金，都必须存入联邦统一基金。从2023年5月1日开始，电子烟产品包括含尼古丁液体或凝胶产品每毫升被征收40仙的国内税。

政府是从2021年1月1日开始向所有类型的香烟，包括电子烟设备在内征收国内税，从价税率为10%。

## 8月柴油補貼減52%

安华也说，自6月10日落实针对性柴油补贴后，石油公司8月索取的补贴金额，比5月份减少51.6%，对比同期的索取数量也下降47.4%。

### 每年省40亿营运开支

他昨日以国会书面回答提问说，政府从落实针对性柴油补贴预计每年将节省40亿令吉的营运开支。

政府落实的针对性柴油补贴计划下针对补贴柴油管制系统2.0（SKDS 2.0），是为23种运输工具提供柴油补贴卡，包括学校巴士、长途巴士、短程巴士、救护车和志愿消防车的公共交通工具，仍享有每公升1令吉88仙的超级补贴价格，以及渔业领域的柴油价格为每公升1令吉65仙。

安华说，政府也推出个人及农民和小规模种植者昌明补贴援助计划，向符合资格的个人柴油车主，包括小农民及小园主发放每月200令吉补贴。

## 電子發票接受程度良好

安华说，截至本月14日，有7400家企业已使用电子发票系统，发出5800万张发票，反映企业对落实电子发票的接受程度良好。

他在书面回答中表示，目前卖家在落实电子发票初期面对的问题是，难以获取税务识别号码（TIN）以开出电子发票。

“为了方便买家查询税务识别号码，内陆税收局准备查询税务识别号码的平台。”

至于难以浏览MyInvois官网的问题，安华说，内陆税收局已透过如用户指南和教育视频的渠道，加强与纳税人的沟通。

他说，使用应用程式编程接口（API）机制的纳税人也表达他们在电子发票生成的尺寸限制面对挑战，内陆税收局准备软件开发工具包，可根据设定的尺寸缩小文件的大小以进行验证。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報 CHINA PRESS
HARI: KHAMIS
TARIKH: 24/10/2024
M/SURAT: 6

# 實施針對性柴油補貼
# 石油公司申索金減51.6%

（吉隆坡23日讯）首相兼财政部长拿督斯里安华指出，自今年6月10日起实施针对性柴油补贴以来，石油公司在8月向政府提出柴油补贴申索的金额，比5月减少了51.6%。

他说，同期的申索数量，也下降了47.4%。

"政府从今年开始分阶段重新调整补贴目标，以避免对国家造成数十亿令吉损失纰漏。

"通过实施针对性柴油补贴，政府估计每年可节省40亿令吉的开支。"

安华昨日通过书面回答土团党红土坎区国会议员诺丁阿末的提问时提到，在取消肉鸡补贴和重新调整电费补贴后，政府已通过柴油补贴管制系统2.0（SKDS 2.0）对23种地面货运车辆提供柴油补贴卡。

## 政府每年可省40億

"获得批准的物流公司，能以每公升2令吉15仙价格添加柴油。

"陆路公共交通车辆，包括校巴、长途巴士、短程巴士、救护车和志愿消防队，仍享有每公升1令吉88仙的补贴价格，而渔民则享有每公升1令吉65仙的补贴价格。"

他补充，政府还推出了"昌明补贴援助"计划，为符合条件的柴油私家车车主和农民和小园主，每月提供200令吉的援助金。

"每月的现金援助可以缓解柴油价格上涨的影响，而不影响目标群体的可支配收入。"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 24 OKTOBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 24-Oct | KPDN rampas 13.8 juta liter diesel subsidi cuba diseleweng | https://www.sinarharian.com.my/article/692616/berita/nasional/kpdn-rampas-138-juta-liter-diesel-subsidi-cuba-diseleweng | SINAR HARIAN |
| 24-Oct | 13.8 juta liter diesel subsidi dengan anggaran lebih RM31 juta dirampas | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147516/138-juta-liter-diesel-subsidi-dengan-anggaran-lebih-rm31-juta-dirampas | HARIAN METRO |
| 24-Oct | 13.8 juta liter diesel bersubsidi bernilai RM31 juta dirampas – KPDN | https://malaysiagazette.com/2024/10/23/13-8-juta-liter-diesel-bersubsidi-bernilai-rm31-juta-dirampas-kpdn/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 24-Oct | KPDN rampas 13.8 juta liter diesel subsidi, libat kerugian lebih RM31 juta | https://selangorkini.my/2024/10/kpdn-rampas-13-8-juta-liter-diesel-subsidi-libat-kerugian-lebih-rm31-juta/ | SELANGOR KINI |
| 24-Oct | KPDN KENAL PASTI 1,561 KES SELEWENG DIESEL DALAM OP TIRIS 3.0 | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2355305 | BERNAMA |
| 24-Oct | Over RM31mil in subsidised diesel seized from Jan to Oct, says Domestic Trade Ministry | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/23/over-rm31mil-in-subsidised-diesel-seized-from-jan-to-oct-says-domestic-trade-ministry | THE STAR |
| 24-Oct | Rampas RM31 juta diesel bersubsidi di sempadan dalam 10 bulan, kata menteri | https://www.youtube.com/watch?v=4SsRVwmUyTE | YOUTUBE |
| 24-Oct | 13.8 juta liter diesel bersubsidi haram berjaya dirampas berjumlah RM31 juta | https://www.tvsarawak.my/2024/10/23/13-8-juta-liter-diesel-bersubsidi-haram-berjaya-dirampas-berjumlah-rm31-juta/ | TV SARAWAK |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24-Oct | Taktik baharu penyelewengan petrol dan diesel di sempadan negara dikesan | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/taktik-baharu-penyelewengan-petrol-dan-diesel-di-sempadan-negara-dikesan | BERITA RTM |
| 24-Oct | 580 kenderaan Thailand ulang-alik beli petrol, diesel di sempadan | https://www.kosmo.com.my/2024/10/23/580-kenderaan-thailand-berulang-beli-petrol-diesel-di-sempadan/ | KOSMO |
| 24-Oct | KPDN Kedah kesan 580 kenderaan isi minyak berulang dalam sehari | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kedah-kesan-580-kenderaan-isi-minyak-berulang-dalam-sehari-493038 | ASTRO AWANI |
| 24-Oct | KPDN Kedah kesan 580 kenderaan asing ulang-alik isi minyak di sempadan Malaysia-Thailand | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147460/kpdn-kedah-kesan-580-kenderaan-asing-ulang-alik-isi-minyak-di-sempadan | HARIAN METRO |
| 24-Oct | 580 kenderaan asing isi minyak berulang sehari berhampiran sempadan | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/580-kenderaan-asing-isi-minyak-berulang-sehari-berhampiran-sempadan/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 24-Oct | 580 kenderaan asing ulang-alik isi minyak di sempadan Malaysia-Thailand | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1314798/580-kenderaan-asing-ulang-alik-isi-minyak-di-sempadan-malaysia-thailand | BERITA HARIAN |
| 24-Oct | 580 kenderaan berpendaftaran asing isi minyak berulang kali di sempadan | https://www.sinarharian.com.my/article/692573/berita/semasa/580-kenderaan-berpendaftaran-asing-isi-minyak-berulang-kali-di-sempadan | SINAR HARIAN |
| 24-Oct | 580 kenderaan asing dikesan ulang-alik isi minyak di sempadan Malaysia-Thailand – KPDN | https://www.buletintv3.my/nasional/580-kenderaan-asing-dikesan-ulang-alik-isi-minyak-di-sempadan-malaysia-thailand-kpdn/ | BULETIN TV3 |
| 24-Oct | KPDN kenal pasti 1,561 kes seleweng diesel dalam Op Tiris 3.0 | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kenal-pasti-1561-kes-seleweng-diesel-dalam-op-tiris-30-493062 | ASTRO AWANI |
| 24-Oct | KPDN kenal pasti 1,561 kes seleweng diesel dalam Op Tiris 3.0 | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1314846/kpdn-kenal-pasti-1561-kes-seleweng-diesel-dalam-op-tiris-30 | BERITA HARIAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24-Oct | KPDN KENAL PASTI 1,561 KES SELEWENG DIESEL DALAM OP TIRIS 3.0 | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2355305 | BERNAMA |
| 24-Oct | Biar betul air mineral saiz kecil RM10? | https://www.sinarharian.com.my/article/692590/edisi/melaka-ns/biar-betul-air-mineral-saiz | SINAR HARIAN |
| 24-Oct | Isu agenda reformasi, penyelewengan diesel subsidi jadi tumpuan Dewan Rakyat hari ini | https://www.buletintv3.my/nasional/isu-agenda-reformasi-penyelewengan-diesel-subsidi-jadi-tumpuan-dewan-rakyat-hari-ini/ | BULETIN TV3 |
| 24-Oct | Salah guna kad fleet, beli diesel harga subsidi seludup ke Siam | https://www.kosmo.com.my/2024/10/23/salah-guna-kad-fleet-beli-diesel-harga-subsidi- | KOSMO |
| 24-Oct | Padah salah guna kad fleet seludup diesel bersubsidi | https://www.sinarharian.com.my/article/692579/berita/semasa/padah-salah-guna-kad-fleet-seludup-diesel- | SINAR HARIAN |
| 24-Oct | Cukai gula sebabkan harga minuman naik? | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/cukai-gula-sebabkan-harga-minuman-naik/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 24-Oct | 'Unfair to label T15 as ultra rich' | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/23/unfair-to-label-t15-as-ultra-rich | THE STAR |
| 24-Oct | Penang-level Ihsan MADANI Rahmah sales in conjunction with Deepavali starts today | https://thesun.my/malaysia-news/penang-level-ihsan-madani-rahmah-sales-in-conjunction-with-deepavali-starts-today-BL13188229#google_vignette | THE SUN |
| 24-Oct | PROGRAM JUALAN IHSAN RAHMAH MADANI PULAU PINANG SEMPENA DEEPAVALI MULAI HARI INI | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2355647 | BERNAMA |
| 24-Oct | Domestic trade ministry to review commission fees imposed by e-commerce platforms | https://www.theedgemalaysia.com/node/731351 | THE EDGE MALAYSIA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24-Oct | 5500 minyak diesel dirampas dari stor haram di Hutan Melintang | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/5-500-minyak-diesel-dirampas-dari-stor-haram-di-hutan-melintang | BERITA RTM |
| 24-Oct | KPDN serbu stor haram simpan 5,550 liter diesel tanpa permit | https://mgperak.com/kpdn-serbu-stor-haram-simpan-5550-liter-diesel-tanpa-permit/ | MALAYSIA GAZETTE PERAK |
| 24-Oct | Illegal warehouse raided, 5,550 litres of diesel seized | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/10/1124221/illegal-warehouse-raided-5550-litres-diesel-seized | NEW STRAITS TIMES |
| 24-Oct | Enforcers seize 5,509l of subsidised diesel from illegal store near Bagan Datuk | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/23/enforcers-seize-5509l-of-subsidised-diesel-from-illegal-store-near-bagan-datuk | THE STAR |
| 24-Oct | PDN rampas lebih 5,500 minyak diesel dari stor haram di Hutan Melintang | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1315001/kpdn-rampas-lebih-5500-minyak-diesel-dari-stor-haram-di-hutan-melintang | BERITA HARIAN |
| 24-Oct | KPDN serbu stor haram simpan 5,550 liter diesel | https://www.buletintv3.my/jenayah/kpdn-serbu-stor-haram-simpan-5550-liter-diesel/ | BULETIN TV3 |
| 24-Oct | KPDN serbu stor haram simpan diesel tanpa permit | https://www.sinarharian.com.my/article/692694/edisi/perak/kpdn-serbu-stor-haram-simpan-diesel-tanpa-permit | SINAR HARIAN |
| 24-Oct | Beli berulang kali diesel untuk dijual ke Thailand | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/beli-berulang-kali-diesel-untuk-dijual-ke-thailand/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 24-Oct | Kedah KPDN detects 580 vehicles refuelling petrol several times a day | https://thesun.my/malaysia-news/kedah-kpdn-detects-580-vehicles-refuelling-petrol-several-times-a-day-BL13187879 | THE SUN |
| 24-Oct | Syarikat dan pengarah didenda beri maklumat palsu barang kawalan | https://malaysiagazette.com/2024/10/23/syarikat-dan-pengarah-didenda-beri-maklumat-palsu-barang-kawalan/ | MALAYSIA GAZETTE |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24-Oct | 'Saya tidak bekerja, cuma tidur di bengkel ini' | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147657/saya-tidak-bekerja-cuma-tidur-di-bengkel-ini | HARIAN METRO |
| 24-Oct | Imigresen KL gempur dua premis perniagaan di Sentul, tahan 32 warga asing | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1315124/imigresen-kl-gempur-dua-premis-perniagaan-di-sentul-tahan-32-warga-asing | BERITA HARIAN |
| 24-Oct | 32 warga asing disyaki PATI ditahan dalam dua serbuan | https://www.buletintv3.my/jenayah/32-warga-asing-disyaki-pati-ditahan-dalam-dua-serbuan/ | BULETIN TV3 |
| 24-Oct | IMIGRESEN KL GEMPUR DUA PREMIS PERNIAG-AAN, 32 WARGA ASING DITAHAN DI SENTUL | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2355605 | BERNAMA |
| 24-Oct | Lari bertempiaran, terkejut tempat kerja diserbu | https://www.sinarharian.com.my/article/692724/berita/semasa/lari-bertempiaran-terkejut-tempat-kerja-diserbu | SINAR HARIAN |
| 24-Oct | Peniaga dikompaun RM200, jual air mineral RM10 | https://www.sinarharian.com.my/article/692708/berita/semasa/peniaga-dikompaun-rm200-jual-air-mineral-rm10 | SINAR HARIAN |
| 24-Oct | KERAJAAN DICADANG JADIKAN STESEN PEN-GECASAN SEBAGAI GRID KEBANGSAAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2355464 | BERNAMA |
| 24-Oct | PARLIMEN: 13.8 juta liter diesel bersubsidi lebih RM31 juta dirampas | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/parlimen-13-8-juta-liter-diesel-bersubsidi-lebih-rm31-juta-dirampas/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 24-Oct | Ops Tiris 3.0 berjaya ram-pas 13.8 juta diesel | https://www.wilayahku.com.my/ops-tiris-3-0-berjaya-rampas-13-8-juta-diesel/ | WILAYAHKU |
| 24-Oct | Ops Tiris 3.0 rampas 13.8 juta liter diesel bersubsidi | https://www.kosmo.com.my/2024/10/23/ops-tiris-3-0-rampas-13-8-juta-liter-diesel-bersubsidi/ | KOSMO |
| 24-Oct | 13.8 juta liter diesel bersub-sidi bernilai RM31 juta dirampas – KPDN | https://malaysiagazette.com/2024/10/23/13-8-juta-liter-diesel-bersubsidi-bernilai-rm31-juta-dirampas-kpdn/ | MALAYSIA GAZETTE |